

## Bab 3

### **METODOLOGI**

#### **Pengenalan**

Bab ini akan menerangkan latarbelakang sekolah dan sampel kajian. Ini diikuti huraian terperinci tentang kaedah yang digunakan dalam menghasilkan dan menilai modul pengajaran sendiri bagi klinik pemulihan Bahasa Inggeris para pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Ini termasuklah kaedah pengumpulan dan analisis data.

Kajian deskriptif ini melibatkan beberapa teknik penyelidikan. Menurut Cohen dan Manion (1989), ini adalah untuk mengelakkan daripada penghasilan data yang mengelirukan ekoran penggunaan satu pendekatan sahaja dalam memahami proses pengajaran pembelajaran. Dengan lain perkataan, penggunaan triangulasi kaedah-kaedah terpilih akan dapat membantu memberikan gambaran secara holistik tentang kajian ini. Menurut Hitchcock dan Hughes (1989, ms.104), "Triangulasi merujuk kepada penggunaan lebih daripada satu kaedah pengumpulan data dalam satu kajian". Berdasarkan itu, kajian ini direkabentuk dengan melibatkan penilaian kesesuaian modul pengajaran sendiri (MPK), temu bual berstruktur, ujian pencapaian dan pemerhatian tanpa

penyertaan. Penggunaan pelbagai teknik ini diharap dapat memberikan pelbagai perspektif dalam kajian ini.

### **Latarbelakang Sekolah**

Sekolah ini mula beroperasi pada tahun 1992. Pada asalnya sekolah ini menempatkan para pelajar aliran vokasional dan kemahiran sahaja dan dikenali sebagai Sekolah Menengah Vokasional Kuala Klawang. Pada tahun 1997, sekolah ini mula mengambil pelajar aliran teknik dan nama sekolah ditukar ke Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Subjek teknikal yang memerlukan penglibatan pelajar dibengkel menjadikan sesi pembelajaran agak panjang. Sesi pembelajaran bermula pada pukul 7.40 pagi dan tamat pada pukul 2.40 petang diikuti dengan aktiviti ko-kurikulum dan kegiatan asrama dari pukul 3.30 petang sehingga 6.00 petang. Waktu malam pula digunakan oleh para pelajar untuk persiapan atau 'prep'. Kekurangan guru dan waktu di luar waktu persekolahan merupakan faktor utama yang harus di atasi dalam menangani masalah pemulihan item-item tatabahasa Bahasa Inggeris para pelajar SMTKK.

Sekolah ini menerima kemasukan pelajar ke tingkatan empat melalui pemilihan berdasarkan keputusan peperiksaan

Penilaian Menengah Rendah (PMR), namun subjek Bahasa Inggeris bukanlah merupakan subjek yang diambil kira dalam pemilihan pelajar. Ini menjadikan subjek tersebut sebagai subjek bermasalah di sekolah ini.

### **Subjek Kajian**

Kajian ini melibatkan subjek-subjek yang berada dalam tiga sampel yang berlainan.

#### **Sampel A**

Sampel A terdiri daripada 30 orang pelajar tingkatan lima yang telah menjalani ujian diagnostik yang telah dijalankan oleh panitia Bahasa Inggeris SMTKK. Hanya para pelajar yang mendapat markah 30% dan ke bawah sahaja layak mengikuti klinik pemulihan ini. Terdapat 50 orang pelajar yang bersifat homogenus yang layak mengikuti klinik pemulihan ini tetapi untuk tujuan kajian hanya 30 subjek yang akan dipilih. Homogenus di sini mengambil kira masalah dan pencapaian Bahasa Inggeris berdasarkan ujian diagnostik dan peperiksaan semester pertama yang menunjukkan para pelajar berada dalam tahap yang sama.

Untuk mendapatkan bilangan 30 orang pelajar, pemilihan secara rawak dengan menggunakan jadual nombor rawak telah dijalankan. Subjek dikenalpasti sebagai subjek '1', '2', '3' dan seterusnya sehingga subjek '30'.

### Sampel B

Sampel B merupakan dua orang guru Bahasa Inggeris SMTKK yang terlibat mengajar kelas tingkatan empat dan lima. Kedua-dua guru merupakan guru siswazah terlatih dari opsyen Bahasa Inggeris. Subjek dikenalpasti sebagai guru 'A' dan guru 'B'. Kedua-dua subjek merupakan pakar bidang atau *subject matter expert* (SME) dalam kajian ini. Kedua-dua subjek juga mengajar para pelajar yang terlibat dengan klinik pemulihan ini dan terlibat secara langsung dalam proses penghasilan modul-modul pengajaran sendiri untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK.

### Sampel C

Sampel C terdiri daripada Ketua Bidang dan Ketua Panitia Bahasa Inggeris SMTKK. Subjek-subjek dikenali sebagai guru 'C' dan 'D'. Kedua-dua subjek mempunyai



pengalaman lebih dari lima tahun mengajar Bahasa Inggris di SMTKK. Kedua-dua subjek juga merupakan pakar bidang atau *Subject matter expert* (SME) dalam kajian ini. Subjek-subjek juga mengajar para pelajar yang terlibat dengan klinik pemulihan Bahasa Inggris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan beberapa instrumen kajian iaitu: 1) borang penilaian; 2) ujian pencapaian; 3) temubual berstruktur; dan 4) pemerhatian tanpa penyertaan.

### **Borang Penilaian**

Borang penilaian yang digunakan terdiri dari satu set soal selidik untuk menilai kesesuaian modul-modul yang dihasilkan sebagai modul-modul pengajaran sendiri yang akan digunakan dalam klinik pemulihan Bahasa Inggris.

Borang penilaian ini diberikan kepada subjek-subjek dari sampel B dan sampel C bersama-sama modul-modul yang dihasilkan sebelum modul-modul diberikan kepada pelajar

untuk penilaian melalui ujian satu dengan satu.

Rasionalnya ialah supaya modul-modul yang dihasilkan diiktirafkan oleh pakar dalam bidang Bahasa Inggeris sesuai untuk kegunaan para pelajar klinik pemulihan dari sudut pendidikan.

Borang ini mengandungi 19 item dan dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu:

- a) matlamat dan objektif (1 soalan),
- b) kandungan (4 soalan),
- c) struktur dan organisasi (2 soalan),
- d) latihan dan aktiviti (4 soalan),
- e) persembahan (4 soalan),
- f) bahasa (4 soalan).

Setiap item diberikan lima pilihan gerak balas (Mohd Majid Konting, 1990, ms.225). Pilihan gerak balas tersebut ialah: sangat tidak setuju (1); tidak setuju (2); neutral/tiada perbezaan (3); setuju (4); sangat setuju (5).

Skor minimum yang boleh dicapai ialah 19 dan skor maksimum yang boleh dicapai ialah 95. Status kesesuaian modul ditentukan berdasarkan skor minimum keseluruhan dan dibahagikan kepada lima peringkat iaitu: sangat tidak sesuai (0-19); tidak sesuai (20-38); neutral/tiada

perbezaan (39-57); sesuai (58-76); sangat sesuai (77-95) (Jadual 2).

Jadual 2: Peringkat status kesesuaian MPK

<b>SKOR MIN KESELURUHAN</b>	<b>STATUS MPK</b>
0 - 19	Sangat tidak sesuai
20 - 38	Tidak sesuai
39 - 57	Neutral/tiada perbezaan
58 - 76	Sesuai
77 - 95	Sangat sesuai

### Ujian Pencapaian

Ujian pencapaian yang diberikan merupakan ujian rujukan kriteria. Ujian diberikan dalam bentuk praujian dan pascaujian bagi setiap modul. Praujian dan pascaujian modul 1 menguji pelajar bagi topik *subject-verb agreement* dan praujian dan pascaujian modul 2 menguji topik *tenses (Simple present dan simple past)*.

Item-item ujian bagi kedua-dua modul diuji sewaktu ujian kumpulan kecil.

### **Ujian Pencapaian Modul 1**

Bagi modul 1, praujian mengandungi 20 item yang dibahagikan kepada dua bahagian: bahagian 1 (15 item); bahagian 2 (5 item). Pascaujian pula mengandungi 25 item dan dibahagikan kepada dua bahagian: bahagian 1 (15 item); bahagian 2 (10 item).

### **Ujian Pencapaian Modul 2**

Praujian bagi modul 2 mengandungi 20 item dan dibahagikan kepada dua bahagian. Setiap bahagian mengandungi 10 item. Pascaujian pula mengandungi 30 item dan dibahagikan kepada dua bahagian: bahagian pertama mengandungi 25 soalan dan bahagian kedua mengandungi 5 soalan.

### Temubual

Temubual yang dijalankan adalah temubual berstruktur. Temubual yang pertama (lampiran 1) mengandungi soalan-soalan untuk mengetahui latar belakang dan rasional penghasilan MPK bagi klinik pemulihan yang akan diadakan. Soalan pertama berkisar kepada latar belakang masalah. Soalan kedua berkaitan kumpulan sasaran iaitu pelajar klinik pemulihan Bahasa Inggeris serta rasional mengadakan pemulihan dalam waktu persekolahan. Soalan ketiga adalah untuk memastikan bahawa penghasilan modul pengajaran sendiri adalah jawapan kepada masalah yang dihadapi. Soalan keempat dan kelima berhubung skop kandungan bahan pengajaran. Soalan terakhir adalah untuk memastikan bahawa tidak ada produk sedia ada yang boleh digunakan.

Temubual yang kedua pula untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang guru yang terlibat tentang reka bentuk sistem pengajaran dan persepsi terhadap proses penghasilan modul (Lampiran 2). Soalan-soalan 1, 2 dan 3 adalah untuk mengetahui samada guru terlibat mempunyai pengetahuan tentang model reka bentuk sistem pengajaran.

Soalan-soalan 4, 5 dan 6 adalah untuk mengetahui samada subjek mempunyai pengalaman menghasilkan modul dan

samada mereka rasa mereka dapat menghasilkan modul. Soalan 7,8,9 dan 10 adalah mengenai persepsi subjek terhadap proses penghasilan modul yang telah diikuti, samada mereka akan menggunakan pendekatan yang sama dan samada mereka berpendapat bahawa modul yang dihasilkan akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi.

Temubual yang ketiga melibatkan sepuluh orang pelajar yang termasuk dalam senarai 50 orang pelajar yang memerlukan pemulihan. Soalan-soalan temubual berkaitan dengan maklumat diri dan masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Temubual keempat adalah temubual dengan para pelajar yang terlibat dengan kajian rintis. Soalan-soalan yang ditujukan adalah untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap modul-modul yang digunakan.

### **Pemerhatian Tanpa Penyertaan**

Pemerhatian tanpa penyertaan bertujuan untuk melihat reaksi pelajar ketika menggunakan modul. Pemerhatian dibantu dengan rakaman video. Rakaman sesi pertama bagi setiap kumpulan tidak akan digunakan dalam kajian untuk mengelakkan kesan ke atas perlakuan pelajar.

### **Prosedur Penghasilan Modul Pengajaran Kendiri**

Penghasilan modul ini adalah mengikut model Dick dan Carey, 1985 (Gambarajah 2). Model Dick dan Carey melibatkan sembilan peringkat dalam merekabentuk pengajaran. Namun dalam kajian ini, penghasilan modul ini akan melibatkan lapan peringkat iaitu:

- 1) menetapkan matlamat pengajaran ;
- 2) membuat analisis pengajaran;
- 3) mengenal pasti kelakuan masuk dan ciri-ciri pelajar;
- 4) menulis objektif kelakuan;
- 5) membina item-item ujian rujukan kriteria;
- 6) membina strategi pengajaran;
- 7) membina dan memilih bahan-bahan pengajaran;
- 8) membina dan mengendalikan penilaian formatif.

**Peringkat 1: Mengenalpasti Matlamat-  
Matlamat Pengajaran**

Peringkat ini bertujuan mengenalpasti matlamat-matlamat pengajaran. Satu kajian taksiran keperluan telah dilaksanakan dengan tujuan:

- 1) mendapatkan gambaran masalah yang dihadapi dengan lebih jelas,
- 2) mendapatkan bukti kesahan masalah, dan
- 3) mendapatkan satu penyelesaian.

Satu analisis keperluan telah dilakukan terlebih dahulu untuk mendapatkan masalah sebenar yang dihadapi oleh para pelajar, guru dan pihak pentadbiran sekolah. Pengkaji ingin mendapatkan kepastian samada masalah yang dialami memerlukan *intervention* atau tidak. Untuk tujuan analisis keperluan, perkara-perkara di bawah telah dilaksanakan pada 3 Julai 1998:

1. Satu temu bual berstruktur dengan sampel C iaitu Ketua Bidang dan Ketua Panitia Bahasa Inggeris SMTKK telah diadakan untuk mengetahui rasional penghasilan modul(Lampiran 1). Temubual dijalankan



secara berasingan dan setiap sesi mengambil masa antara 20-15 minit.

2. Satu perbincangan tidak rasmi dengan sampel B diadakan bertujuan mengkaji latarbelakang guru-guru dari sudut pengetahuan terhadap reka bentuk sistem pengajaran dan penghasilan modul.
3. Analisis pencapaian pelajar berdasarkan keputusan ujian diagnostik dan keputusan peperiksaan semester pertama tingkatan empat. Analisis ini akan menunjukkan masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai item-item tatabahasa.

Hasil analisis pencapaian pelajar mendapati bahawa para pelajar dari kumpulan sasaran mengalami masalah menguasai item-item tatabahasa. Perbincangan dengan guru-guru dan Ketua Panitia memberikan keputusan bahawa kepentingan diberikan kepada item-item tatabahasa *tenses* dan *subject-verb agreement*. Matlamat yang ditetapkan adalah untuk membantu para pelajar kumpulan sasaran mengatasi masalah yang dihadapi dalam memahami 1. *tenses* dan 2. *Subject-verb agreement*.

## Peringkat 2: Analisis Pengajaran

Diperingkat ini, sesi *sumbang saran* dengan guru-guru Bahasa Inggeris SMTKK yang terlibat telah diadakan pada 6 Julai 1998 untuk mendapatkan pandangan bagi membuat analisis pengajaran. Berikut adalah langkah-langkah yang diambil dalam membuat analisis pengajaran:


- a. Mengenalpasti domain hasil pembelajaran,
- b. Mengenalpasti kemahiran-kemahiran yang diperlukan,
- c. Membuat analisis pemprosesan maklumat bagi pengetahuan kognitif atau aktiviti-aktiviti fizikal yang diperlukan (analisis tugas).

Satu garis kasar kandungan telah dirangka berdasarkan perbincangan dengan para guru terlibat dan SME.

### Contoh Analisis Pengajaran

Domain:	Kognitif
Kemahiran :	Intelektual
Pendekatan:	Hiraki

Modul 1



**Peringkat 3: Mengenal Pasti Kelakuan Masuk  
dan Ciri-Ciri Pelajar**

Peringkat ini bertujuan menentukan ciri-ciri, pengetahuan sedia ada serta masalah asas para pelajar dalam menguasai kemahiran yang diperlukan. Ia juga bertujuan mendapatkan gambaran sokongan pengurusan, pendekatan yang bersesuaian dan kekangan atau keperluan terhadap pendekatan.

Bagi mendapatkan maklumat berhubung ciri-ciri dan masalah yang dialami oleh kumpulan sasaran, satu temubual

berstruktur (Lampiran 3) telah dijalankan pada 8 Julai 1998 dengan 10 orang pelajar yang dipilih secara rawak (menggunakan jadual nombor rawak) dari senarai 50 nama pelajar yang layak mengikuti klinik pemulihan Bahasa Inggeris. Memandangkan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar terbabit amat lemah, temubual telah dijalankan dalam Bahasa Melayu. Setiap sesi temubual mengambil masa di antara 5 hingga 10 minit.

Pengkaji juga meneliti hasil temubual berstruktur pada 3 Julai 1998 (Lampiran 1) dengan subjek-subjek dari sampel C iaitu Ketua Panitia dan Ketua Bidang SMTKK untuk mendapatkan gambaran persekitaran pengajaran.

#### **Peringkat 4: Menulis Objektif Kelakuan**

Peringkat ini bertujuan mentafsirkan keperluan-keperluan dan matlamat-matlamat kepada objektif-objektif yang lebih khusus dan terperinci. Ini akan membantu para pelajar dalam proses pembelajaran. Ia juga akan memudahkan mengukur pencapaian para pelajar. Satu perjumpaan dengan SME telah diadakan pada 9 Julai 1998 untuk menentukan objektif-objektif kelakuan yang harus dicapai. Guru-guru

yang terlibat telah diberikan pendedahan tentang penulisan objektif kelakuan.

Contoh:

Modul 1:

**Tugas:** To identify the correct form of verbs  
to agree with the given pronouns.

**Audience:** Pupils

**Behaviour:** will be able to identify the correct  
form of verbs to agree with the given  
pronouns

**Condition:** by underlining the correct form of  
word in brackets

**Degree:** with 90% accuracy

Menulis objektif kelakuan:

*Pupils will be able to identify the correct form  
of verbs to agree with the given pronouns by  
underlining the correct form of word in  
brackets.*

Kesemua objektif kelakuan telah disenaraikan untuk semakan pakar bidang (SME). Pembedulan telah dilakukan ke atas objektif kelakuan yang dirasakan kurang sesuai.

## Objektif Pembelajaran Modul 1

Berikut adalah senarai objektif pembelajaran yang telah disediakan di awal setiap seksyen bagi makluman para pelajar. Tahap penguasaan adalah pada 90% ketepatan.

Seksyen 1:i. Pupils will be able to identify the correct form of verbs to agree with the given pronouns by underlining the correct form of verb in brackets.

ii. Pupils will be able to identify pronouns and verbs by underlining and labeling the pronouns and verbs in given sentences.

iii. Pupils will be able to identify verbs which do not agree with their subjects by underlining the correct form of verb in the brackets.

Seksyen 2:i. Pupils will be able to identify the correct form of verb to agree with the given noun as subject by underlining the suitable verb in brackets.

ii. Pupils will be able to classify nouns into countable and uncountable by sorting a list of given words into countable and uncountable nouns.

Seksyen 3:i. Identify the verb to agree with two subjects joined together by underlining the correct form of verb in brackets.

ii. identify verbs which do not agree with their subjects by underlining the correct form of verb in brackets.

Seksyen 4:i. Pupils will be able to identify the correct determiner to agree with the given verb by circling the correct determiner in brackets.

ii. Pupils will be able to identify the correct form of verb in brackets to agree with the given determiners by underlining the correct form of verb in brackets.

Seksyen 5:i. Pupils will be able to identify the correct form of verb to agree with the noun

after the quantifier by underlining the correct form of verb in brackets.

### Objektif Pembelajaran Bagi Modul 2

Berikut adalah senarai objektif pembelajaran yang telah disediakan di awal setiap seksyen bagi makluman para pelajar. Tahap penguasaan adalah pada 90% ketepatan.

- Seksyen 1:i. Pupils will be able to complete given sentences using the correct tense of the 'verb be' by filling in the blanks with am, is or are.
- ii. Pupils will be able to complete a given table using the correct form of the 'verb be' by filling in the blanks with am, is or are.
- iii. identify the correct tense of given verbs by underlining the correct tense of the verb in brackets.

Seksyen 2:i. Pupils will be able to complete sentences in a passage using the correct



tense of the 'verb be' by filling in the blanks with was or were.

ii. Pupils will be able to complete questions with the correct tense of the 'verb be' by filling in the blanks with was or were.

iii. Pupils will be able to identify the correct tense of given verbs by underlining the correct form of verb in brackets.

iv. Pupils will be able to identify past simple of selected irregular verbs by solving a word maze.

v. Pupils will be able to identify grammar mistakes by underlining the mistakes in a given passage.

#### **Peringkat 5: Membina Item-item**

##### **Ujian Rujukan Kriteria**

Pada 15 Julai 1998, berdasarkan objektif-objektif kelakuan yang telah disenaraikan, dua set ujian rujukan kriteria mula dibina untuk kedua-dua modul. Dua set ujian

rujukan kriteria disediakan untuk diberikan sebagai praujian iaitu sebelum menggunakan modul-modul tersebut dan satu lagi diberikan sebagai pascaujian iaitu selepas menggunakan modul-modul tersebut. Kedua-dua praujian dan pascaujian menguji perkara yang sama dan cuma berbeza dari segi item-item sahaja. Ini untuk mendapatkan kesahan kandungan. Item-item telah disemak semula selepas modul disempurnakan. Satu set *embedded test* dalam bentuk latihan dirangka bagi setiap objektif kelakuan.

### **Peringkat 6: Strategi Pengajaran**

Pada 20 Julai 1998, strategi pengajaran telah dibincangkan dengan para guru terlibat. Dalam merangka strategi pengajaran ini, 5 komponen asas strategi pengajaran telah diambil kira iaitu: a) aktiviti prapengajaran; b) persembahan maklumat ; c) penyertaan murid-murid ; d) ujian; e) ringkasan.

#### **Aktiviti Prapengajaran**

Bagi memastikan modul berjaya menarik perhatian pelajar, aktiviti prapengajaran dirangka agar menarik

Gambarajah 6: Contoh nota modul 1, muka surat 7.



• He is stranded on an island.

• He has a fishing rod and a bag.

• He goes fishing every morning.

• He writes two letters every night.

Singular Pronoun → He  
writes  
← Singular  
← Verb

### **Penyertaan Pelajar**

Aktiviti latihan bagi mendapatkan prestasi pelajar disediakan dalam bentuk soalan. Maklum balas diberikan dihujung setiap latihan dan diikuti dengan penjelasan.

### **Ujian**

Setiap seksyen diakhiri dengan ujian rujukan kriteria dengan tahap penguasaan 90%. Ini bertujuan menilai prestasi murid selepas mempelajari seksyen tersebut. Ujian yang disediakan memenuhi kehendak objektif-objektif bagi setiap seksyen.

### **Ringkasan**

Satu ringkasan disediakan di akhir modul untuk pengukuhan. Ringkasan yang disediakan mematuhi objektif yang disediakan.

## Peringkat 7: Mengembangkan Dan Memilih

### Bahan-Bahan Pengajaran

Kandungan modul 1 dibahagikan kepada 7 bahagian:

- 1) *Introduction ;*
- 2) *Section 1-Problems with pronouns ;*
- 3) *Section 2-Problems with Nouns ;*
- 4) *Section 3-Problems with verbs with two subjects;*
- 5) *Section 4-Problems with determiners ;*
- 6) *Section 5-Problems with quantifiers ;*
- 7) *Summary.*

Modul 2 pula telah dibahagikan kepada 4 bahagian:

- 1) *Introduction ;*
- 2) *Section 1-Present tense ;*
- 3) *Section 2-Past tense ;*
- 4) *Summary.*


Setiap seksyen pengajaran dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

- a) *lesson notes*
- b) *practice exercises*
- c) *answer key*


- d) *explanation*
- e) *review of the problem(s)*
- f) *answer key and score sheet.*

Setiap halaman modul dilengkapi dengan menu kecil (Gambarajah 7 dan 8) yang diletakkan di penjuru atas setiap halaman bagi memudahkan para pelajar mengetahui kedudukan mereka di dalam modul. Menu ini juga sebenarnya merupakan peta konsep bagi modul-modul tersebut dan idea ini diharap dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep yang dikemukakan.

Gambarajah 7 : Contoh menu kecil bagi modul 1.



Gambarajah 8 : Contoh menu kecil bagi modul 2



Dalam memilih bahan-bahan pengajaran, proses-proses berikut telah dilalui:

- a. Menentukan kaedah pengajaran
- b. Menganalisis situasi pembelajaran
- c. Menganalisis ciri-ciri media
- d. Menentukan ciri media yang disarankan
- e. Mengenal pasti sumber-sumber
- f. Menentukan jenis media yang praktikal.

Pada 25 Julai 1998, draf bahan-bahan telah disemak oleh SME untuk cetakan. Pembedulan telah dilakukan ke atas kesilapan ejaan. Komponen-komponen pakej pengajaran yang disediakan mengandungi:

- i. Bahan pengajaran.

ii. Manual untuk instruktur yang terdiri dari peta konsep, carta urutan, rasional program, matlamat, objektif, dan arahan untuk pengguna.

ii. Ujian.

Cetakan draf untuk penilaian formatif telah dilakukan pada 13 Ogos 1998.

### **Peringkat 8: Penilaian Formatif**

Diperingkat ini, penilaian terhadap draf modul telah dilakukan untuk memastikan modul ini boleh dan sesuai digunakan untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK. Penilaian dilakukan dalam beberapa peringkat iaitu penilaian kesesuaian modul oleh sampel B dan sampel C, ujian satu dengan satu, ujian kumpulan kecil dan kajian rintis.

### **Penilaian Oleh Pakar**

Draf modul diserahkan kepada sampel B dan sampel C pada 17 Ogos 1998. Satu borang penilaian modul (Lampiran 4) telah diserahkan kepada setiap seorang dari mereka



untuk diisi. Penilaian bertujuan menentukan kesesuaian modul-modul tersebut dari sudut penilaian pendidikan: 1)matlamat dan objektif; 2)kandungan; 3)struktur dan organisasi modul; 4)latihan dan aktiviti; 5)persembahan; dan 6)bahasa.

Ubahsuaian telah dibuat dan dicetak pada 25 Ogos 1998 untuk kajian satu dengan satu.

### **Ujian Satu Dengan Satu**


Ujian satu dengan satu diadakan bermula 28 Ogos 1998 untuk memastikan sebarang masalah yang timbul dapat dikenalpasti oleh pelajar sebelum perlaksanaannya. Dua orang pelajar dari senarai pelajar klinik pemulihan telah dipilih secara rawak, iaitu dengan menggunakan jadual nombor rawak untuk membantu pengkaji membuat penilaian. Ujian satu dengan satu telah dijalankan secara berasingan. Pelajar telah dimaklumkan bahawa tujuan aktiviti tersebut adalah untuk melihat kelemahan modul tersebut dan bukan menguji pelajar. Pengkaji berada di sisi pelajar pada sesi ujian tersebut. Pelajar telah diberikan modul 1 diikuti modul 2. Pelajar mengikuti keseluruhan modul. Bagi setiap perkataan, frasa atau ayat yang mengelirukan, pelajar

telah berhenti dan memaklumkan kepada penyelidik akan kekeliruan tersebut. Bagi soalan-soalan latihan pula, pelajar telah menuliskan jawapan di tempat yang disediakan. Bagi setiap jawapan yang salah, pelajar akan menyatakan sebab-sebab kekeliruan. Ini bertujuan membantu mengubahsuai pengajaran dan strategi modul bagi memenuhi keperluan pelajar. Pelajar maju dari satu halaman ke halaman berikutnya mengikut kemampuannya.

Terdapat beberapa pindaan yang dibuat berdasarkan ujian satu dengan satu ini. Berikut adalah beberapa contoh pindaan yang telah dilakukan terhadap modul berdasarkan ujian satu dengan satu.


Contoh pertama boleh dilihat dalam gambarajah 9, yang menunjukkan muka surat 7 bagi modul 1 sebelum pindaan. Dalam contoh-contoh yang diberikan, perkaitan antara *singular pronoun* dan *verb* tidak ditunjukkan. Ini kurang berkesan untuk membantu pelajar memahami konsep '*singular nouns take a singular verb*'.

Gambarajah 9: Modul 1, muka surat 7  
sebelum pindaan.



Hasil ujian satu dengan satu, setiap *singular pronoun* dan *verb* ditanda hitamkan dan anak panah menghubungkan kedua-duanya dilukis untuk membantu pelajar memahami konsep '*singular nouns take a singular verb*'. Ini dapat dilihat dalam gambarajah 10.

Gambarajah 10: Modul 1, muka surat 7  
selepas pindaan.



Contoh kedua ialah muka surat 7, modul 1. Arahan bagi latihan (Gambarajah 11) ini mengelirukan pelajar kerana ia memerlukan pelajar memberikan jawapan yang salah. Oleh itu, pindaan telah dibuat di mana arahan telah ditambah dengan menerangkan maksud soalan di dalam kurungan. (Gambarajah 12).

Gambarajah 11: Modul 1, muka surat 7,  
sebelum pindaan.

*Read the following passage and underline the incorrect verbs. There are **five** only.*

Gambarajah 12: Modul 1, muka surat 41,  
selepas pindaan.

*Read the following passage and underline the incorrect verbs (That is those verbs which do not agree with their subjects). There are **five** only.*

Contoh ketiga ialah muka surat 36, modul 2. Dalam contoh yang diberikan, konsep penanda masa (time marker) tidak ditunjukkan dengan jelas (Gambarajah 13).

Gambarajah 13: Modul 2, muka surat 36,  
sebelum pindaan.

➤ **USE**

- to talk about an action completed in the past.

*Example.*

*My father **received** this book in January.*

*I **met** my husband in 1989.*

Ujian satu dengan satu mendapati bahawa penanda masa (*time marker*) harus ditandakan bagi membolehkan pelajar

memahami konsep tersebut dan peranannya dalam menunjukkan masa lampau (Gambarajah 14).

Gambarajah 14: Modul 2, muka surat 36,  
selepas pindaan.

➤ **USE**

- to talk about an action completed in the past.

*Example.*

*My father **received** this book in January.*

*I **met** my husband in 1989.*

Time  
Marker

Pindaan dilakukan pada modul-modul berdasarkan hasil ujian satu dengan satu. Semakan telah dijalankan oleh SME dan cetakan untuk ujian kumpulan kecil telah dijalankan pada 14 September 1998.

### **Ujian Kumpulan Kecil**

Ujian kumpulan kecil bertujuan untuk menguji modul-modul yang dihasilkan dalam keadaan yang hampir dengan keadaan sebenar perlaksanaan klinik pemulihan Bahasa Inggeris. Ini dapat mengenalpasti kecekapan dan keberkesanan modul-modul tersebut.

Seramai lapan orang pelajar telah dipilih secara rawak menggunakan jadual nombor rawak dari senarai pelajar yang dikenalpasti layak mengikuti klinik pemulihan. Setiap pelajar telah diberikan taklimat tentang tujuan kajian dijalankan. Para pelajar dimaklumkan bahawa yang ingin dikaji adalah modul-modul yang akan mereka gunakan.

Para pelajar diberikan arahan untuk pengguna dalam satu sesi orientasi penggunaan modul-modul. Mereka juga dimaklumkan bahawa mereka akan berada di perpustakaan setiap kali waktu berkembar Bahasa Inggeris mengikut jadual waktu kelas masing-masing.



Para pelajar telah diberikan praujian untuk melihat pengetahuan sedia ada berkaitan *subject-verb agreement*. Seterusnya, para pelajar telah menggunakan modul mengikut tahap kemampuan mereka. Jawapan ditulis di tempat yang disediakan dalam modul tersebut. Apabila tamat menggunakan modul pertama, para pelajar telah diberikan pascaujian untuk melihat pencapaian mereka hasil penggunaan modul tersebut.

Seterusnya, para pelajar terlibat telah diberi praujian untuk menguji pengetahuan sedia ada mereka berhubung topik *tenses*. Selepas itu mereka telah menggunakan modul kedua pula dan diikuti dengan pascaujian setelah tamat modul kedua.

Keputusan ujian kumpulan kecil menunjukkan bahawa para pelajar menggunakan purata dua waktu berkembar (1 jam 40 minit) bagi modul 1 dan 2 1/2 waktu berkembar (3 jam 20 minit) bagi modul 2.

Terdapat perkataan-perkataan mudah yang sukar difahami oleh para pelajar seperti *appearance*, *town council* dan *refugees*. Walau bagaimanapun, perkataan-perkataan tersebut perlu diperkenalkan kepada para pelajar. Atas cadangan para pelajar yang terlibat, satu bahagian baru iaitu glossari dwi bahasa telah dirangka.

Semakan telah dibuat oleh pakar bidang (SME) dan pindaan telah dilakukan ke atas modul dan cetakan semula dibuat untuk kajian rintis.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis telah melibatkan sampel A iaitu sekumpulan 30 orang pelajar dari klinik pemulihan Bahasa Inggeris. Pemilihan adalah secara rawak menggunakan jadual nombor rawak. Pelajar-pelajar yang telah terlibat dengan ujian satu dengan satu dan ujian kumpulan kecil tidak akan dipilih. Subjek kajian menggunakan modul-modul yang diberikan. Setiap subjek menghadiri klinik ini yang diadakan di perpustakaan. Kehadiran adalah mengikut jadual waktu Bahasa Inggeris yang sedia ada. Bermakna, para pelajar yang terlibat menghadiri klinik pemulihan Bahasa Inggeris setiap kali jadual waktu berkembar Bahasa Inggeris.


Penerangan tentang klinik ini diberikan dalam sesi orientasi yang diadakan sehari sebelum klinik dimulakan.

Setiap pelajar telah diberikan praujian sebelum menggunakan modul. Pelajar bebas untuk merujuk nota semula sekiranya tidak dapat menguasai modul tersebut mengikut

tahap yang diberikan. Pelajar juga bebas untuk maju ke modul seterusnya jika masa mengizinkan. (Waktu berkembar Bahasa Inggeris-1 jam 20 minit). Diakhir satu-satu modul, para pelajar telah diberikan pascaujian. Ini untuk melihat pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan modul tersebut. Data praujian dan pasca ujian para pelajar akan dikumpulkan untuk analisis data.

Temubual berstruktur telah diadakan dengan semua subjek dari sampel A dan sampel B. Temu bual menjurus ke arah menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan iaitu berhubung persepsi pelajar dan guru terhadap modul-modul pengajaran sendiri yang dihasilkan dan persepsi guru terhadap proses penghasilan modul itu sendiri. Para guru yang terlibat telah ditemubual untuk mendapatkan pendapat mereka tentang modul-modul tersebut dan tanggapan mereka tentang penghasilan modul pengajaran sendiri (Lampiran 2). Para pelajar telah ditemu bual untuk mendapatkan pendapat mereka terhadap modul tersebut dan kesan penggunaannya kepada mereka. Mereka akan ditanya tentang ciri-ciri modul-modul yang mereka senangi dan keselesaan menggunakan modul-modul tersebut serta kesannya terhadap para pelajar (Lampiran 5).

Gambarajah 15: Kedudukan alat perakam video  
sewaktu sesi klinik pemulihan.



### **Analisis Data**

Data-data yang ada akan dianalisis untuk mengetahui keberkesanan modul-modul yang dihasilkan dalam klinik pemulihan Bahasa Inggeris. Data-data dikumpul melalui; borang penilaian; ujian pencapaian Bahasa Inggeris iaitu praujian dan pascaujian bagi ujian kumpulan kecil dan

kajian rintis; temu bual berstruktur; pemerhatian tanpa penyertaan.

### Penilaian Kesesuaian

#### Modul Pengajaran Kendiri

Borang penilaian memberikan data yang seterusnya diproses menggunakan perisian SPSS 7.5. Untuk menentukan kesesuaian MPK bagi digunakan dalam klinik pemulihan Bahasa Inggeris jadual peringkat skor MPK yang digunakan.

#### Analisis Ujian-t

Ujian-t sampel berpasangan menggunakan perisian SPSS 7.5 digunakan untuk menilai perbezaan dalam perubahan pengetahuan setelah menjalani klinik pemulihan. Analisis menggunakan data-data praujian dan pascaujian bagi kedua-dua modul.

### Temubual

Temubual dirakamkan dan respons ditranskrip/ disalinkan. Huraian dibuat berdasarkan tujuan-tujuan temubual. Antaranya, untuk mengkaji latarbelakang guru berkaitan pendedahan kepada reka bentuk sistem pengajaran dan penghasilan modul. Kedua, untuk mendapatkan pandangan guru-guru tentang modul-modul dihasilkan dan tanggapan mereka terhadap proses penghasilan modul selepas pendedahan. Ketiga, untuk mendapatkan pandangan pelajar tentang modul-modul yang dihasilkan dari aspek fizikal dan kesannya ke atas para pelajar.

### Pemerhatian

Pemerhatian ke atas perlakuan pelajar dikaji hasil dari rakaman video. Reaksi para pelajar sewaktu menggunakan modul-modul terlibat diperhatikan dan dianalisis. Perlakuan negatif dan positif pelajar sepanjang sesi klinik pemulihan telah diperhatikan. Perlakuan-perlakuan negatif seperti berbual-bual dan berbincang, menggaru dan menggeleng-geleng kepala, meniru, masam atau marah dan

tidur. Perlakuan positif pula seperti tersenyum, menggunakan modul dengan bersungguh-sungguh dan tenang.

Berdasarkan ciri-ciri perlakuan negatif dan positif yang ditunjukkan, pola keberhasilan, keyakinan dan keseronokan para pelajar dalam menggunakan modul-modul pengajaran sendiri sewaktu klinik pemulihan dapat dilihat.